

TERMA DAN SYARAT
KEMPEN NURI DUIT RAYA

Kempen Nuri Duit Raya (Kempen) ini dianjurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).

Dengan menyertai Kempen ini, peserta yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) harus membaca dan memahami sepenuhnya dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

A. Kelayakan Kempen

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat dengan kriteria di bawah (Peserta Yang Layak):
 - i. Warganegara Malaysia termasuk Penduduk Tetap (PR).
 - ii. Individu yang berumur 18 tahun dan ke bawah.
 - iii. Akaun individu, akaun bersama dan akaun amanah.
 - iv. Kakitangan Bank Rakyat (pemegang akaun utama bagi akaun bersama / akaun amanah) adalah layak untuk menyertai kempen kecuali kakitangan yang terlibat dalam proses pemilihan pemenang / jawatankuasa.
2. Individu yang mempunyai sebarang tunggakan, keingkaran atau saman terhadap kemudahan sedia ada atau pembentangan dengan Bank semasa tempoh Kempen TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini.

B. Tempoh Kempen

1. Tempoh Kempen ini bermula dari 21 April 2025 hingga 31 Julai 2025.
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda Tempoh Kempen (melanjutkan, memendekkan atau memberhentikan) jika perlu pada bila-bila masa.

C. Mekanisme

1. Peserta yang layak mesti memenuhi kriteria sepanjang Tempoh Kempen bermula untuk memenangi hadiah Kempen seperti yang dinyatakan di bawah:
 - a) Buka / mempunyai Akaun Yang Layak semasa Tempoh Kempen. Akaun Yang Layak untuk Kempen ini adalah seperti berikut:
 - i. Akaun Simpanan-i Nuri (Tawarruq) – untuk berumur 12 tahun dan ke bawah.
 - ii. Akaun Simpanan-i (Tawarruq) – untuk berumur 18 tahun dan ke bawah.
 - b) 100 Akaun Yang Layak dan mempunyai baki purata bulanan tertinggi akan dipilih sebagai pemenang dari setiap wilayah, pada akhir Tempoh Kempen.
 - c) Akaun Yang Layak perlu mengekalkan minimum baki purata bulanan yang berjumlah RM1000.

2. Sila rujuk di dalam **Lampiran** Terma dan Syarat ini untuk penerangan terperinci mengenai pengiraan baki purata bulanan untuk Kempen.

D. Hadiah

1. Hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini adalah RM500 bagi 100 pemenang dengan peningkatan baki tertinggi dalam akaun pada tempoh akhir Kempen.
2. Seorang pelanggan hanya layak untuk memenangi satu hadiah sahaja.
3. Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setara (jika perlu) dengan memberi notis kepada pemenang.
4. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dan hanya akan dikreditkan ke akaun Bank Rakyat pemenang.

E. Pemilihan Pemenang

1. Pemilihan penerima hadiah (cabutan) akan ditentukan oleh Bank Rakyat melalui Jawatankuasa yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk Kempen ini.
2. Pemilihan pemenang akan dijalankan selepas tamat Tempoh Kempen.
3. Semua keputusan adalah muktamad dan tiada sebarang surat-menjurut, pertikaian dan rayuan akan dilayan.
4. Pemenang akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), panggilan telefon atau sebarang kaedah lain yang sesuai oleh Bank Rakyat.

F. Terma Dan Syarat Umum

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta/pelanggan haruslah bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my
2. Peserta/pelanggan mestilah bersetuju memberi hak eksklusif kepada Bank Rakyat untuk mencetak atau menyiaran nama dan gambar penerima hadiah untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta/pelanggan mestilah bersetuju untuk membenarkan Bank, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.

4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank boleh meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan itu akan berkuatkuasa selepas notis dikeluarkan.
5. Bank Rakyat boleh menolak atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan, kerosakan yang berkaitan dengan visual atau pembayaran kepada penerima hadiah.
7. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.
8. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN/PENDEPOSIT ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN/PENDEPOSIT TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
9. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, perperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
10. Dengan menyertai kempen ini, peserta/pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
11. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi pusat panggilan tele-Rakyat di talian 1300 80 5454 atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat atau layari www.bankrakyat.com.my